



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

6 September 2016

**Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin,  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen.**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen ke 13 mengadakan prosiding Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) membabitkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- 2) Hadir bagi memberikan keterangan di hadapan PAC adalah Datuk Seri Alwi Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; Datuk Seri Mustafar Ali, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia dan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen Malaysia.
- 3) Prosiding bermula kira-kira jam 11 pagi dan berakhir kira-kira jam 1.30 petang.
- 4) Dalam prosiding berkenaan, KDN dan JIM memberikan penjelasan dan penerangan berhubung isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 berhubung pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia myIMMs.
- 5) PAC berpuas hati dengan penjelasan serta penerangan yang diberikan KDN dan JIM terhadap isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2015 Siri 1.
- 6) Bagaimanapun, PAC mahu kerajaan khususnya KDN serta JIM memastikan bahawa semua sistem yang dibangunkan serta digunakan benar-benar dapat diintegrasikan secara menyeluruh.

- 7) Selain itu, adalah amat penting supaya Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dibabitkan secara langsung dalam setiap aspek perancangan serta pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat JIM.
- 8) Pada keseluruhannya, Sistem myIMMs ini adalah baik dan sudah memenangi banyak anugerah bukan sahaja di dalam dan luar negara berhubung dengan pencapaian serta pelaksanaan sistem berkenaan.
- 9) Oleh itu, PAC berpandangan Sistem myIMMs tidak perlu ditukar tetapi ditambah baik berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.
- 10) Ini akan memudahkan pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia untuk lebih mahir dalam mengendalikan Sistem myIMMs.
- 11) Di samping itu juga, MAMPU diminta untuk sentiasa memantau dan memberikan input serta cadangan bagi menambahbaik Sistem myIMMs dari masa ke semasa supaya sistem berkenaan berada pada tahap terkini serta mampu untuk berhadapan dengan sebarang cabaran bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terkawal.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia